



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(No. Syarikat 902884-V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN TENDER

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V) ("MRT Corp") adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk menjadi pemaju dan pemilik aset Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("KVMRT"). Syarikat ini adalah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan.

Projek KVMRT melibatkan pembinaan jaringan rel bandar di Lembah Klang. Setelah pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang ("Laluan SBK") dimulakan pada tahun 2011, **LALUAN MRT SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA ("Laluan SSP")** adalah laluan MRT kedua yang akan dibangunkan.

Bagi tujuan pembangunan laluan SSP, **MMC GAMUDA KVMRT (PDP SSP) SDN BHD (111700-V)** telah dilantik sebagai Rakan Pelaksana Projek.

MRT Corp mempelawa bakal Penender untuk mengambil bahagian dalam tender bagi pakej kerja yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

TAJUK TENDER DAN NOMBOR TENDER	SYARAT-SYARAT TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TAKLIMAT TENDER (MANDATORI)
PACKAGE UPS202: DESIGN, SUPPLY, DELIVERY, SUPERVISION OF INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF UNINTERRUPTIBLE POWER SUPPLY FOR ELEVATED STATIONS AND DEPOT (PACKAGE: PART V203, V204 TO V210 & DPT201) NO. TENDER: SSP-MRTC-CMP21 -OVPR-TEN-00079	Memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB CIDB Gred : G7 Kategori : ME DAN Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU) dahulu dikenali sebagai Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)	RM2,544.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu Lima Ratus Empat Puluh Empat Sahaja) (Termasuk 6% GST) dalam bentuk Deraf Bank / Banker's Cheque Pembayaran kepada:- Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V)	Tarikh : Khamis, 01 Mac 2018 Masa : 9.30 pagi Tempat : KVMRT Training Centre, Lot. No. 994/998, Jalan Subang, Kampung Baru Sungai Buloh, 47000, Sg. Buloh, Selangor. Semua Penender dikehendaki mendaftar pada Khamis, 1 Mac 2018, di tempat yang tertera di atas di antara pukul 9.00 pagi sehingga 9.30 pagi. Hanya maksimum tiga (3) wakil dari setiap Penender dibenarkan. Wakil-wakil dari pihak penender yang berminat mestilah dari kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja-kerja diatas serta diberi kuasa oleh syarikat. Salah satu wakil haruslah terdiri daripada berikut- 1. Pengarah Urusan atau; 2. Pengarah Eksekutif atau; 3. Ketua Pegawai Eksekutif Wakil Penender WAJIB mengemukakan Sijil Pendaftaran PPK, CIDB G7/ME dan STB yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A) seperti dinyatakan di dalam SYARAT- SYARAT TENDER semasa menghadiri Taklimat Tender. Kegagalan mengemukakan sijil-sijil tersebut akan membatalkan kelayakan untuk menghadiri taklimat tender.

Dokumen Tender boleh dibeli mulai **01 Mac 2018 (selepas taklimat tender) sehingga 15 Mac 2018** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN TENDER	MASA JUALAN DOKUMEN TENDER
MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD Jabatan Peralahan Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dehuan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia	Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi - 12:30 tengahari dan 2:00 petang - 5:00 petang Jumaat : 9:00 pagi - 12:00 tengahari dan 3:00 petang - 5:00 petang

Pembayaran bagi pembelian Dokumen Tender hanya boleh dibuat melalui Deraf Bank atau *Banker's Cheque* pada amaun yang dinyatakan dalam jadual di atas dan dibayar di atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd.** dan tidak dikembalikan.

Dokumen Tender yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermetri yang ditandakan dengan jelas Tajuk Tender dan Nombor Tender di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **MRT Corp, Jabatan Perolehan tidak lewat dari jam 12:00 tengahari, Rabu, 02 Mei 2018.** Semua penyerahan lewat akan dibatalkan serta-merta.

Selain dari syarat-syarat di atas, Penender **WAJIB** memenuhi Kriteria Mandatori seperti berikut:

KRITERIA MANDATORI

- Penender (sekurang-kurangnya satu Syarikat Usahasama atau Konsortium) atau Pengeluar atau Pembekal hendaklah menyiapkan nilai jualan produk dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas dengan nilai purata jualan produk tempatan melebihi **Ringgit Malaysia: Satu Juta (RM1 Juta)** setahun untuk sistem UPS.
- Penender (atau Rakan Kongsi Utama bagi Syarikat Usahasama atau Konsortium) atau Pengeluar atau Pembekal mempunyai kebolehan teknikal yang memenuhi kriteria mandatori yang terdapat di dalam *Schedule of Technical Data*.
- Rakan kongsi utama mestilah daripada entiti Bumiputera dengan pegangan ekuiti di dalam Syarikat Usahasama atau Konsortium tidak kurang daripada 51 %.

Nota:

- Penender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor berpengalaman yang memenuhi kriteria mandatori serta berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan di bawah gred dan kategori seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh tender.
- Penender **WAJIB** menghadiri sesi taklimat tender pada tarikh, masa dan tempat seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas.
- Penender dibenarkan untuk membentuk satu (1) Usahasama atau Konsortium dengan syarikat tempatan atau syarikat milik asing yang diperbadankan atau berdaftar di Malaysia atau syarikat antarabangsa **DENGAN SYARAT** salah satu dari ahlinya mestilah mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** daripada **CIDB dengan Gred G7 Kategori ME** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** daripada Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU) dahulu dikenali sebagai Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang masih sah semasa tempoh tender ini. Walau bagaimanapun, Syarikat Usahasama atau Konsortium ini tidak boleh dianggotai lebih daripada dua (2) syarikat.
- Syarikat milik asing yang diperbadankan atau berdaftar di Malaysia mestilah mematuhi kehendak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan CIDB (Untuk Kerja).
- Penender hanya dibenarkan untuk menyertai tender untuk (1) kali sahaja sama ada sebagai Syarikat Perseorangan atau Syarikat Usahasama atau Konsortium.
- Sekiranya penyertaan Penender sebagai Syarikat Usahama atau Konsortium, Penender tidak dibenarkan untuk menukar rakan kongsi setelah menyerahkan Dokumen Tender.
- Penyertaan Syarikat Usahasama atau Konsortium hendaklah disertakan dengan Perjanjian Usahasama atau Konsortium dan di dalam perjanjian usahasama atau konsortium tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, penyertaan ekuiti bagi kedua-dua Syarikat Usahasama atau Konsortium dan hendaklah menyatakan klausa bahawa semua ahli Syarikat Usahasama atau Konsortium adalah bertanggungjawab secara bersama bagi Syarikat Usahasama atau Konsortium tersebut.
- Dokumen Tender akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Penender boleh meneliti Dokumen Meja Tender (TTD) sebelum membuat pembelian.
- Dokumen Tender hanya akan dijual kepada Penender yang telah menghadiri sesi taklimat tender sahaja. MRT Corp. **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Tender sebelum dan/atau selepas waktu yang telah dijadualkan di atas.
- Dokumen Tender ini hanya akan dijual kepada wakil Penender yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil **PENENDER WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan** sebagai wakil serta siji pendaftaran PPK dan SPKK daripada CIDB dan STB yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A) untuk mengesahkan kelayakan Penender.
- Kesemua Penender mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- Selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005] Penender adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima.
- Dengan mengeluarkan kenyataan tender ini, MRT Corp. tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tender paling rendah atau mana-mana tender.
- MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana tender dari mana-mana Penender tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Penender yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **03-2095 2121** atau e-mail kepada procurement@mymrt.com.my. Maklumat lanjut mengenai MRT Corp boleh dilayari di laman web kami di www.mymrt.com.my.